

SIARAN MEDIA

KPKT PERKENAL GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PEMBAHARUAN SEMULA BANDAR UNTUK MENGALAKKAN PEMBANGUNAN KAWASAN PERBANDARAN YANG USANG DAN TERBIAR

PUTRAJAYA, 5 September 2023 – Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) telah menyediakan **Garis Panduan Pelaksanaan Pembaharuan Semula Bandar (GPP PSB)**.

GPP PSB ini telah diluluskan di Mesyuarat Jemaah Menteri pada 30 Ogos 2023 lalu bertujuan untuk memberi panduan dan rujukan kepada Kerajaan Persekutuan, Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pemaju hartanah dan pihak berkepentingan lain yang ingin memajukan atau membangunkan semula kawasan penempatan yang terpinggir, usang dan tidak lagi ekonomik untuk meningkatkan imej dan reka bentuk bandar serta kualiti hidup masyarakat bandar.

Terdapat enam (6) isu dan senario perbandaran di mana pembaharuan semula bandar boleh dilaksanakan seperti kawasan yang melibatkan:

- (a) bangunan-bangunan usang;
- (b) projek pembangunan terbengkalai (*brownfield*);
- (c) kawasan tidak berdaya maju (*greyfield*);
- (d) kawasan yang mengalami penurunan nilai hartanah;
- (e) kawasan yang menghadapi masalah sosial; dan
- (f) kawasan yang mengalami kemerosotan infrastruktur dan kemudahan.

Menurut YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), “Dokumen ini menggariskan panduan pelaksanaan dari segi penyelarasan terminologi berkaitan pembaharuan semula bandar, proses yang terlibat berdasarkan jenis pemilikan tanah, insentif-insentif yang boleh ditawarkan kepada pemaju, tata kelola di peringkat Persekutuan dan Negeri serta pertimbangan dalam menguruskan projek pembaharuan semula bandar.”

Berdasarkan terminologi pembaharuan semula bandar (*urban renewal*), dokumen ini menyentuh **empat (4) jenis pembaharuan semula bandar** seperti berikut:

- (a) Pembangunan Semula Bandar (*Urban Redevelopment*);
- (b) Penjanaaan Semula Bandar (*Urban Regeneration*);
- (c) Penyegaran Semula Bandar (*Urban Revitalisation*); dan
- (d) Pemuliharaan Bandar (*Urban Conservation*).

Penggubalan GPP PSB ini telah melalui proses libat urus dengan pelbagai pihak berkepentingan seperti Jabatan Perumahan Negara (JPN), Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG), Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) serta telah dibawa untuk persetujuan dan pemakluman Negeri-negeri melalui semua PLANMalaysia Negeri. Bagi tujuan pelaksanaan pula, dokumen ini boleh disesuaikan (*adopt and adapt*) mengikut kegunaan di Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

KPKT yakin GPP PSB ini dapat menjadi satu rujukan utama untuk memudahkan proses pembaharuan semula bandar dan merencanakan lagi pembangunan bandar di seluruh negara. KPKT akan terus komited memastikan GPP ini diterimapakai dan menambahbaik aspek-aspek lain dari semasa ke semasa bagi memastikan agenda pembaharuan semula bandar dapat dilaksanakan dengan komprehensif demi kepentingan rakyat dalam mencapai hasrat bandar yang mampan dan berdaya huni.

Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT; YBrs. Tuan Muhammad Razman bin Abu Samah, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) KPKT; YBrs. Tuan Haji Suhaimi bin Ali @ Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti) KPKT; YBhg. Datuk Saidatu Akhma binti Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan Dan Persekitaran Mampan) KPKT; YBrs. TPr. Md Nazri Abdullah, Timbalan Ketua Pengarah Perancangan PLANMalaysia dan barisan pengurusan tertinggi kementerian dan agensi di bawah KPKT.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertawi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan*

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

